

KERTAS 1

Jawab **semua** soalan.

Masa 1 jam 15 Minit

BAHAGIAN A

(20 MARKAH)

1.

Buai laju-laju, Sampai hujung sana, <u>Yang Maha Satu,</u> Allah Bijaksana,
--
- Berdasarkan pantun di atas, perkataan bergaris merujuk kepada konsep ketuhanan
- A Rububiyah
 - B Syumuliyah
 - C Alamiyyah
 - D Uluhiyyah
2. Pernyataan di bawah adalah benar tentang tujuan Allah s.w.t mengurniakan mukjizat kepada nabi dan rasul **kecuali**
- A Membuktikan kekuasaan Allah SWT.
 - B Membuktikan kebenaran ajaran yang dibawa oleh rasul.
 - C Mempamerkan kehebatan yang dimiliki oleh nabi dan rasul.
 - D Menambahkan keyakinan nabi dan rasul terhadap Allah.
3.

Melakukan pelbagai pekerjaan mengikut kepakaran, melaksanakan penyelidikan sains dan teknologi dan mencipta perkakasan untuk kemudahan manusia.

- Situasi di atas menggambarkan
- A Kelebihan bekerja kerana Allah.
 - B Cara melaksanakan amanah Allah.
 - C Etika kerja dalam Islam.
 - D Langkah meningkatkan kualiti kerja.
4. Apakah kesan yang dihadapi oleh masyarakat jika memperoleh harta secara haram ?.
- A Pelabur takut untuk melabur dalam negara.
 - B Harta tidak diberkati Allah.
 - C Ekonomi negara runtuh.
 - D Masyarakat tidak bersatu padu

5 Yang manakah antara berikut tergolong dalam amalan mazmumah ?.

- I Mencuri.
- II Berzina.
- III Tolong menolong.
- IV Berkasih sayang.

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

6 Berikut adalah sumber perundangan Islam **kecuali**

- A al-Quran.
- B al-Hadis.
- C al-Mujtahid.
- D al-Ijmak.

7 Tawakkal bermaksud.....

- A Berserah diri kepada Allah s.w.t dengan memohon ampun serta berjanji tidak akan melakukan dosa lagi.
- B Berserah diri kepada Allah s.w.t setelah berusaha bersungguh-sungguh melakukan sesuatu.
- C Berserah diri kepada Allah s.w.t dengan meyakini sepenuh hati keesaan dan kekuasaan-Nya.
- D Berserah diri kepada Allah s.w.t dengan melakukan segala perintah dan ajaran-Nya.

8

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">◆ Menyempurnakan perintah Allah.◆ Mencapai kebahagiaan hidup.◆ Latihan rohani dan jasmani. |
|--|

Pernyataan di atas menerangkan tentang

- A Tujuan ibadat.
- B Ciri kesempurnaan ibadat.
- C Kesan ibadat.
- D Pengertian ibadat.

9 Manakah antara berikut bukan cara menegakkan keadilan dalam Sistem Kehakiman Islam ?.

- A Hukuman yang setimpal mengikut kesalahan.
- B Menjatuhkan hukuman mengikut bangsa dan agama.
- C Hukuman dilaksanakan apabila terdapat bukti dan saksi yang sah.
- D Hukumannya berbentuk pengajaran dan pencegahan kepada semua pihak.

10. Nyatakan sumber sampingan penyelesaian masalah menurut Islam selain daripada sumber yang telah di sepakati ulama.

- I Sanad
- II Uruf
- III al-Istihsan
- IV Masalih mursalah

- A I, II dan III.
- B I, II dan IV.
- C I, III dan IV.
- D II, III dan IV.

11 Aspek-aspek kesederhanaan mengikut prinsip Waq'iyah dalam Islam dapat dilihat melalui ;

- I Aqidah
- II Ibadat
- III Undang-undang
- IV Ekonomi

- A I, II dan III.
- B I, II dan IV.
- C I, III dan IV.
- D II, III dan IV.

12.

Niat ⇒ Keazaman ⇒ Tindakan ⇒ Tawakkal ⇒ Muhasabah

Carta di atas menerangkan

- A Amalan dalam penyelesaian masalah.
- B Langkah penyelesaian masalah.
- C Perlakuan dalam penyelesaian masalah.
- D Kesan penyelesaian masalah.

13 Berikut adalah ciri-ciri Hadis Sahih **kecuali**

- I Hadis yang sanadnya bersambung terus kepada Rasulullah s.a.w.
- II Hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang thiqah lagi dhabit.
- III Hadis yang ditolak oleh sebahagian besar ulamak.
- IV Hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang fasik.

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

- 14 Berikut adalah kelebihan mengamalkan muamalah Islam ..
- I Menjamin kepuasan pengguna sahaja.
 - II Menjamin keadilan sejagat.
 - III Mencapai keredaan Allah S.W.T.
 - IV Menjamin keharmonian hidup.
- A I, II dan III.
 - B I, II dan IV.
 - C I, III dan IV.
 - D II, III dan IV.
- 15 Antara hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam adalah..
- I Menjamin kesihatan manusia.
 - II Menjaga kepentingan peribadi.
 - III Kebebasan beragama.
 - IV Melindungi nyawa.
- A I dan III
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 16 Berikut adalah hikmah perkahwinan
- I Melahirkan zuriat yang suci dan bersih.
 - II Mewujudkan hubungan silaturrahim antara keluarga kedua-dua belah pihak.
 - III Dapat mengatasi masalah sosial di kalangan masyarakat.
 - IV Bebas melakukan apa sahaja tanpa batasan syarak.
- A I, II dan III.
 - B I, II dan IV.
 - C I, III dan IV.
 - D II, III dan IV.
- 17 Manakah antara berikut ciri-ciri seseorang hakim.
- I Berilmu dan bijaksana
 - II Berwibawa dan dihormati
 - III Lelaki Islam dan merdeka
 - IV Waras fikiran dan sentiasa tenang
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

18. Terangkan matlamat menyelesaikan masalah menurut Islam.
- A Memajukan negara dari segi ekonomi, politik dan sosial.
 - B Membangkitkan semangat nasionalisme.
 - C Masalah dapat dikawal.
 - D Masalah tidak menjadi lebih teruk.
- 19 Berikut adalah proses dan amalan majlis syura dalam sistem pemerintahan Islam.
- I Pemimpin boleh memilih pendapat yang terbaik dan sesuai dalam hal-hal peperangan, politik dan perhubungan luar.
 - II Pemimpin perlu menggunakan kebijaksanaanya bagi sesuatu keputusan syariah yang bersifat khilaf.
 - III Keputusan yang diputuskan oleh majlis syura hanya perlu dipatuhi oleh orang Islam sahaja.
 - IV Syura dilaksanakan untuk mendapat rahmat dan keredhaan Allah s.w.t
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 20 Senaraikan ciri-ciri penyelesaian masalah menurut Islam.
- I Dilakukan secara sederhana.
 - II Menepati kehendak syarak.
 - III Merujuk kepada orang yang berilmu.
 - IV Penyelesaian secara menyeluruh dan bersepadu.
- A I, II dan III.
 - B I, II dan IV.
 - C I, III dan IV.
 - D II, III dan IV.

BAHAGIAN B

(20 markah)

Jawab semua soalan

Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah **45 minit**.

Tuliskan jawapan yang betul di dalam ruangan yang disediakan.

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

- | | | | |
|----|---|--|---|
| 21 | Tolak ansur dan saling memahami serta menerima pendapat dan pandangan orang lain. | | 1 |
| 22 | Keteguhan dan ketahanan hati dalam menghadapi dugaan hidup dengan penuh keredaan | | 1 |
| 23 | Kepatuhan hamba kepada pencipta-Nya melalui tindakan dan perbuatan. | | 1 |

Lengkapkan pernyataan berikut

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

- | | | |
|----|---|---|
| 24 | Rasulullah s.a.w. menggalakkan umatnya _____ seperti berniaga, bertani dan sebagainya. | 1 |
| 25 | Sumber perundangan Islam yang kedua ialah _____ | 1 |
| 26 | Mereka digelar sebagai golongan _____ kerana tidak layak menguruskan harta akibat ketidakmampuan membuat penilaian dengan sempurna. | 1 |
| 27 | Fahaman _____ memisahkan urusan-urusan keduniaan dengan urusan agama. | 1 |

Untuk
kegunaan
Pemeriksa

Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan (×) pada pernyataan yang SALAH.

1	28	Pelanggaran hukum wajib akan mendatangkan masalah dalam masyarakat.	
1	29	Thabat ialah boleh berubah mengikut kesesuaian tetapi masih tetap di atas prinsip asalnya.	
1	30	Hukum Fikah menjadi sumber rujukan Mahkamah Syariah dalam pengadilan.	
1	31	Manusia memerlukan akal, pengalaman dan wahyu dalam memahami hakikat kehidupan.	

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X) dan (Y) dalam ruangan yang disediakan.


X	
---	--

Y	
---	--

		Pernyataan	Jawapan
1	32	Membezakan manusia dengan haiwan	
1	33	Bersifat mutlak	
1	34	Sentiasa menerima perubahan	
1	35	Menceritakan perkara-perkara sam`iyat	
1	36	Kekal dan bersifat syumul	

Soalan 37 – 40 adalah berdasarkan carta di bawah.

Carta di bawah menunjukkan peraturan keterangan dalam perbicaraan.



37 P ialah : _____

38 Q ialah : _____

39 Di antara syarat P ialah : _____

40 Di antara syarat pengakuan ialah : _____

KERTAS JAWAPAN

Bahagian A

- | | | | | | | | | | |
|-----------|----------|----------|----------|----------|-----------|----------|----------|----------|----------|
| 1 | A | B | C | D | 11 | A | B | C | D |
| 2 | A | B | C | D | 12 | A | B | C | D |
| 3 | A | B | C | D | 13 | A | B | C | D |
| 4 | A | B | C | D | 14 | A | B | C | D |
| 5 | A | B | C | D | 15 | A | B | C | D |
| 6 | A | B | C | D | 16 | A | B | C | D |
| 7 | A | B | C | D | 17 | A | B | C | D |
| 8 | A | B | C | D | 18 | A | B | C | D |
| 9 | A | B | C | D | 19 | A | B | C | D |
| 10 | A | B | C | D | 20 | A | B | C | D |

BAHAGIAN A

SOALAN KERTAS 1 TAMAT

KERTAS 2
MASA 2 JAM 30 MINIT

[100 markah]

Jawab **lima** soalan sahaja

Soalan **1 wajib** dijawab dan pilih mana-mana **empat** soalan yang lain.

- 1 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan insan ? [2 markah]
(ii) Antara cara menyakini kebesaran Allah s.w.t adalah melalui pemerhatian terhadap kejadian manusia.
Apakah bukti kebesaran Allah s.w.t daripada kejadian tersebut ? [4 markah]
- (b) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan rasul Ulul Azmi ? [2 markah]
(ii) Nyatakan tiga peranan rasul. [6 markah]
- (c) (i) Terangkan dua perbezaan antara wahyu dan akal. [6 markah]
- 2 (a) (i) Antara prinsip Murunah ialah ajaran Islam itu bersifat mudah .
Nyatakan pengertian Murunah [2 markah]
(ii) Huraikan konsep Murunah dalam konteks menutup aurat dan berpuasa pada bulan Ramadan ? [4 markah]
- (b) Thabat ialah elemen yang sangat ditekankan dalam ajaran Islam .
(i) Apakah makna Thabat dan berikan **dua** contoh Thabat. [4 markah]
(ii) Nyatakan dua bentuk hukuman yang telah ditetapkan ke atas pezina. [4 markah]
- (c) Islam mewajibkan umatnya menutup aurat . [6 markah]
Mengapakah Islam menetapkan kewajipan tersebut ?
- 3 (a) (i) Al-Quran, al-Hadis, al-Ijmak dan al-Qias adalah sumber-sumber kehakiman Islam. [2 markah]
Berikan **dua** contoh sumber yang lain.
(ii) Terangkan **tiga** perbezaan antara sistem kehakiman Islam dengan sistem konvensional. [6 markah]
- (b) (i) Negara Islam menjadi maju dalam segala aspek jika berasaskan tauhid kepada Allah s.w.t. [6 markah]
Bezakan antara negara Islam dengan negara bukan Islam.
- (c) Bersyukur kepada Allah merupakan salah satu tanggungjawab manusia. [6 markah]
Bagaimanakah cara anda bersyukur dengan kurniaan fizikal yang sihat.
[6 markah]

- 4 (a) (i) Nyatakan pengertian pekerjaan dalam Islam . [2 markah]
 (i) Nyatakan dua kelebihan bekerja kerana Allah s.w.t. [4 markah]
- (b) (i) Terangkan **tiga** peranan muamalah Islam. [6 markah]
 (ii) Jelaskan **dua** kesan muamalah dalam mempertingkatkan kualiti kehidupan. [4 markah]
 (iii) Terangkan **dua** syarat sesuatu pekerjaan menjadi ibadat. [4 markah]
- 5 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan falsafah munakahat. [2 markah]
 (ii) Perkahwinan merupakan sunnah Rasulullah s.a.w. dan amat digalakkan oleh Islam. Terangkan **dua** kepentingan perkahwinan terhadap individu muslim. [4 markah]
 (iii) Nyatakan **dua** cara untuk mengekalkan kerukunan rumahtangga. [4 markah]
- (b) (i) Apakah maksud Qadha ? [2 markah]
 (ii) Terangkan dua keperluan Qadha kepada manusia. [4 markah]
- (c) Mengapakah hukum Qadha yang diputuskan oleh mahkamah wajib dipatuhi ? [4 markah]
- 6 (a) (i) Berikan pengertian kesaksamaan sosial [2 markah]
 (ii) Jelaskan cara mewujudkan kesaksamaan sosial. [4 markah]
- (b) (i) Tugas dakwah merupakan satu tugas yang mulia. [4 markah]
 Mengapakah usaha dakwah perlu dilakukan secara berterusan? [4 markah]
 (ii) Berdakwah merupakan elemen penting dalam Islam. [6 markah]
 Nyatakan strategi berdakwah yang berkesan. [4 markah]
- (c) Penyelesaian masalah secara Islam dapat meneguhkan keimanan kepada Allah s.w.t. Sarankan langkah-langkah positif untuk memelihara iman. [4 markah]
- 7 (a) (i) Islam menetapkan beberapa peraturan pemilikan harta untuk mewujudkan keamanan. [4 markah]
 Terangkan peraturan tersebut. [4 markah]
 (ii) Huraikan **dua** kesan jika manusia diberi kebebasan sepenuhnya memiliki harta. [4 markah]
- (b) (i) Zina merupakan kesalahan yang dikenakan hukuman hudud dalam Islam. [4 markah]
 Jelaskan **dua** sebab berlakunya perbuatan zina. [4 markah]
 (ii) Jelaskan dua cara untuk menyelamatkan diri daripada terjerumus ke lembah perzinaan. [4 markah]
- (c) Jelaskan dua perbezaan hukum qisas dengan takzir. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SKEMA KERTAS 1

BAHAGIAN A

1.	D	2.	C	3.	B	4.	D	5.	A
6.	C	7.	B	8.	A	9.	B	10.	D
11.	A	12.	C	13.	C	14.	D	15.	C
16.	A	17.	B	18.	A	19.	B	20.	D

BAHAGIAN B

- 21 Toleransi
- 22 Sabar
- 23 Ibadat
- 24 Bekerja sendiri
- 25 Hadis
- 26 Safih / Terencat akal
- 27 Sekular
- 28 Betul
- 29 Salah
- 30 Betul
- 31 Betul
- 32 Akal
- 33 Wahyu
- 34 Akal
- 35 Wahyu
- 36 Wahyu
- 37 Kesaksian
- 38 Pembuktian
- 39 Adil/amanah/bebas daripada syak wasangka/tiada permusuhan dengan tertuduh.
- 40 Bebas/tiada paksaan/waras/mencapai umur yang ditetapkan oleh mahkamah.

SKEMA KERTAS 2

- 1 (a) (i) Maksud insan :
- Makhluq istimewa yang boleh berfikir ,boleh menerima ilmu pengetahuan dan berkehendak.
- [1 x 2 markah = 2 markah]
- (ii) Bukti kebesaran Allah s.w.t daripada kejadian tersebut
- Manusia mempunyai akal
 - Manusia memiliki rupa paras yang sempurna
 - Manusia berupaya mencipta tamadun
 - Manusia memiliki kebudayaan
 - Manusia diberi ikhtiar untuk memilih yang baik dan yang buruk
- [2 X 2 markah = 4 markah]
- (b) (i) Maksud dengan rasul Ulul Azmi
- Para rasul yang memiliki kesabaran yang tinggi dalam menyampaikan dakwah.
- [1 x 2 markah = 2 markah]
- (b) (ii) Tiga peranan rasul.
- Menyeru manusia mentauhid dan menyembah Allah s.w.t.
 - Mengajar dan menerangkan perkara-perkara ghaib.
 - Mengajar manusia cara-cara beribadat yang betul.
 - Menyampaikan berita gembira dan pemberi ingatan.
- [3 X 2 markah = 6 markah]
- (c) Tiga perbezaan antara wahyu dan akal.
- | Akal | Wahyu |
|-------------------------------|--------------------------|
| • Dimiliki oleh semua manusia | • Diturunkan kepada nabi |
| • Boleh dipinda | • Tidak boleh dipinda |
| • Sementara | • Kekal |
| • Pemikiran manusia | • Kalam Allah s.w.t |
- [3 X 2 markah = 6 markah]
- 2 a (i) Pengertian Murunah :
- Luwes ,anjali iaitu boleh berubah-ubah mengikut kesesuaian namun masih tetap pada prinsip asas
- [1 x 2 markah = 2 markah]
- ii) Konsep murunah dalam konteks menutup aurat dan berpuasa pada bulan Ramadan
- menutup aurat : islam memberi kelonggaran untuk berfesyen asalkan tidak terkeluar daripada batas-batas kewajipan menutup aurat .
 - berpuasa pada bulan ramadan : puasa pada bulan Ramadan ada kalanya dikecualikan kerana uzur .
- [2 x 2 markah = 4 markah]
- b i) Makna Thabat dan sertakan contoh :
- Thabat iaitu ajaran Islam bersifat tetap dan teguh serta tidak berubah –ubah
 - Contoh : Kewajipan menutup aurat / solat fardu.
- [2 x 2 markah = 4 markah]

- (ii) Hukuman bagi pezina :
- 100 kali sebatan bagi yang belum berkahwin.
 - Rejam sampai mati yang telah berkahwin.
- [2 x 2 markah = 4 markah]

- c Islam mewajibkan umatnya menutup aurat .
- menjaga maruah / harga diri
 - terhindar daripada penyakit
 - mengelakkan daripada gangguan seksual
- [3 x 2 markah = 6 markah]

- 3 (a) (i) Dua contoh sumber lain :
- al-Ijtihad
 - al-Istihsan
 - al-Masalih mursalah
 - al-Uruf
- [2 X 1 markah = 2 markah]

- (ii) Perbezaan antara sistem kehakiman Islam dengan sistem konvensional

Sis. Kehakiman Islam	Sis. Kehakiman Konvensional
1. Ciptaan Allah.	1. Ciptaan manusia.
2. Bersumberkan wahyu.	2. Bersumberkan akal pemikiran manusia.
3. Tetap dan tidak berubah.	3. Bersifat setempat dan berubah mengikut zaman.
4. Menegakkan keadilan kepada semua golongan manusia.	4. Mengutamakan kepentingan sesuatu golongan atau manusia.

[3 X 2 markah = 6 markah]

- 3 (b) Perbezaan antara negara Islam dan negara bukan Islam.

Negara Islam	Negara Bukan Islam
<ul style="list-style-type: none"> • Berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. • Hak asasi dilindungi. • Allah s.w.t menjadi kuasa tertinggi pemerintahan negara. • Iman dan taqwa sebagai asas dalam pemilihan ketua negara. 	<ul style="list-style-type: none"> • Berpandukan hukum ciptaan manusia • Hak asasi tidak terjamin. • Pendapat majoriti rakyat sebagai asas pemerintahan negara. • Tidak mengambil kira soal keimanan dan ketaqwaan dalam pemilihan ketua.

[3 X 2 markah = 6 markah]

- 3 (c) Cara anda bersyukur dengan kurniaan fizikal yang sihat :

- Meningkatkan kuantiti dan kualiti ibadah / membanyakkan ibadah.
- Menjaga kesihatan fizikal.
- Menjauhi amalan yang merosakkan fizikal seperti menagih dadah.
- Memakan makanan yang halal dan baik.

[3 X 2 markah = 6 markah]

- 4 (a) (i) Pengertian pekerjaan dalam Islam :
- Kegiatan yang dilakukan untuk mendapatkan sumber pendapatan berbentuk wang atau harta yang halal
- [1 x 2 markah = 2 markah]
- (ii) Dua kelebihan bekerja kerana Allah s.w.t terhadap pelanggan :
- Melahirkan pekerja yang ikhlas.
 - Menghasilkan produk yang berkualiti.
 - Pelanggan akan berpuas hati dengan barangan yang dihasilkan.
- [2 x 2 markah = 4 markah]
- (b) (i) Tiga peranan muamalah Islam :
- Zakat untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik.
 - Sewa menyewa membantu orang yang memerlukan sesuatu barangan.
 - Jual beli untuk mendapatkan keperluan dengan senang dan selesa.
 - Kemudahan menyimpan dan mengeluarkan wang melalui bank.
 - Memudahkan orang yang terdesak dengan memberi cagaran.
 - Berhutang - kemudahan bagi orang yang tidak mempunyai harta untuk mendapatkan wang tunai.
- [3 x 2 markah = 6 markah]
- (ii) Dua kesan muamalah dalam meningkatkan kualiti kehidupan.
- Mendapat keredaan Allah.
 - Dapat menjamin kehidupan manusia sejagat.
 - Mementingkan keadilan sejagat.
 - Dapat membangunkan tamadun manusia.
- [2 x 2 markah = 4 markah]
- (iii) Dua syarat sesuatu pekerjaan menjadi ibadat :
- Pekerjaan halal dan dibenarkan syarak.
 - Pekerjaan yang tidak melalaikan seseorang daripada melakukan ibadat kepada Allah.
 - Pekerjaan yang tidak mengganggu kepentingan awam dan alam sekitar.
- [2 x 2 markah = 4 markah]
- 5 (a) (i) Maksud falsafah munakahat :
- Ikatan antara suami isteri untuk membina keluarga dan menjaga keturunan secara sah dan bertanggungjawab.
- [1 x 2 markah = 2 markah]
- (ii) Dua kepentingan perkahwinan terhadap individu muslim :
- Memberikan ketenangan dalam hidup
 - Membentuk sikap bertanggungjawab
 - Melahirkan zuriat yang sah dan bersih
 - Melaksanakan tuntutan agama
 - Menjamin keluhuran peribadi yang tinggi .
- [2 x 2 markah = 4 markah]

- 5 (a) (iii) Dua cara untuk mengekalkan kerukunan rumahtangga.
- Setiap pasangan mengamalkan sikap bermaaf-maafan .
 - Saling hormat –menghormati serta bertolak ansur
 - Mengukuhkan ekonomi rumah tangga
 - Segera menyelesaikan masalah yang timbul
 - Sayang-menyayangi antara satu sama lain
- [2 X 2 markah = 4 markah]
- 5 (b) (i) Maksud Qadha ialah :
- Penghakiman atau keputusan yang telah diputuskan oleh pihak mahkamah dalam sesuatu perbicaraan berdasarkan hujah dan bukti yang nyata
- [1 X 2 markah = 2 markah]
- (ii) Dua keperluan Qadha kepada manusia.
- Menjatuhkan hukuman yang setimpal kepada pesalah.
 - Menjamin keamanan dan mengekalkan keharmonian.
 - Mengelakkan huru-hara dalam masyarakat.
 - Menjamin keadilan dalam masyarakat.
- [2 x 2 markah = 4 markah]
- (iii) Hukum Qadha yang diputuskan oleh mahkamah wajib dipatuhi kerana :
- Hukuman yang dijatuhkan bersumberkan dalil dan hujah yang benar.
 - Keputusan dibuat berdasarkan pertimbangan yang wajar dan adil.
 - Hukuman diputuskan oleh orang yang adil dan berkelayakan dalam bidang tersebut.
- [2 x 2 markah = 4 markah]
- 6 a i Maksud kesaksamaan sosial ialah ;
- Keharmonian hubungan sesama manusia untuk menjauhi perkara-perkara yang menyebabkan perpecahan,perbalahan, kekacauan dan sebagainya.
- [1 X 2 markah = 2 markah]
- ii Cara mewujudkan kesaksamaan sosial ialah;
- Sentiasa mewujudkan hubungan baik sesama manusia.
 - Sentiasa membantu golongan yang tidak bernasib baik
 - Sentiasa melakukan kebajikan dengan ikhlas kerana Allah
- [2 x 2 markah = 4 markah]
- 6 b i Usaha dakwah perlu dilakukan secara berterusan
- Perintah daripada Allah.
 - Kemungkaran berlaku berterusan dan di mana-mana sahaja.
 - Memelihara agama Islam daripada anasir yang merosakkan.
 - Umat Islam semakin kurang mengamalkan Islam dalam kehidupan.
- [2 x 2 markah = 4 markah]
- ii Strategi berdakwah yang berkesan :
- Berdakwah mengikut kemampuan.
 - Menunjukkan contoh teladan yang terpuji.
 - Mengadakan perbincangan dengan baik.
 - Memberi pengetahuan yang sempurna.
 - Menyalurkan khidmat amal kebajikan.
- [3 X 2 markah = 6 markah]

- iii Langkah-langkah memelihara iman.
- Sentiasa menunaikan amalan fardu
 - Melakukan ibadat sunat.
 - menjauhi perkara maksiat dan mungkar.
 - Sentiasa berdoa kepada Allah.
 - Sentiasa berdoa meningkatkan ilmu.

[2 x 2 markah = 4 markah]

7 (a) (i) Peraturan tersebut ialah :

- Berpandukan syariat Islam
- Memanfaatkan harta dengan betul
- Tidak menjejaskan kepentingan orang lain.
- Menunaikan kewajipan terhadap harta seperti zakat.
- Dikembangkan dengan cara yang dibenarkan oleh syarak.

[2 x 2 markah = 4 markah]

7 (a) (ii) Dua kesan jika manusia diberi kebebasan sepenuhnya memiliki harta :

- Lalai tanggungjawab kepada Allah s.w.t
- Bersikap sombong
- Menjejaskan kepentingan orang lain.
- Kehidupan tidak tenang / gelisah
- Keselamatan tidak terjamin

[2 x 2 markah = 4 markah]

(b) (i) Dua sebab berlaku perbuatan zina :

- Pergaulan bebas.
- Kurang didikan agama.
- Terpengaruh dengan persekitaran.
- Kurang penguatkuasaan undang-undang.

[2 x 2 markah = 4 markah]

(ii) Dua cara untuk menyelamatkan diri daripada terjerumus ke lembah perzinaan;

- Menjaga batas pergaulan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram
- Melengkapkan diri dengan pendidikan agama
- Mengelakkan diri daripada menonton atau membaca media yang berunsur lucah
- Menenamkan rasa takut dengan balasan azab siksaan daripada Allah

[2 x 2 markah = 4 markah]

7 (c) Dua perbezaan hukum qisas dengan takzir.

Qisas	Takzir
<ul style="list-style-type: none"> • Hukuman ditetapkan oleh syarak 	<ul style="list-style-type: none"> • Hukuman mengikut budi bicara hakim atau kadhi
<ul style="list-style-type: none"> • Melibatkan kesalahan kecederaan tubuh badan dan nyawa manusia 	<ul style="list-style-type: none"> • Kesalahan hudud atau qisas yang tidak cukup bukti.
<ul style="list-style-type: none"> • Hukuman yang dikenakan sama dengan kesalahan yang dilakukan 	<ul style="list-style-type: none"> • Hukuman berbentuk nasihat /pemulauan/ denda/ merampas harta/ sebat / buang daerah atau penjara

[2 x 2 markah = 4 markah]

CATATAN

CATATAN